

Faktor Pemelukan Agama Islam: Kajian Terhadap Mualaf di Sabah

(Factors Leading to Conversion to Islam: A Study of Mualaf in Sabah)

Zaifuddin Md Rasip^{1*}, Mohd Solleh Ab Razak²

¹Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: zaifuddin@ums.edu.my

²Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: sollehrazak@ums.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Zaifuddin Md Rasip
(zaifuddin@ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Dakwah
Islam
Mualaf
Sabah
USIA

KEYWORDS:

Dawah
Islam
Mualaf
Sabah
USIA

CITATION:

Zaifuddin Md Rasip & Mohd Solleh Ab Razak.
(2024). Faktor Pemelukan Agama Islam:
Kajian Terhadap Mualaf di Sabah. *Malaysian
Journal of Social Sciences and Humanities
(MJSSH)*, 9(10), e003016.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i10.3016>

ABSTRAK

Artikel ini mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemelukan agama Islam di kalangan mualaf di Sabah. Dengan menggunakan metodologi kajian kualitatif, kaedah kepustakaan dan analisis data daripada pelbagai sumber primer dan sekunder, termasuk jurnal, buku, dan tesis, digunakan. Tambahan pula, tinjauan telah dijalankan oleh pengkaji terhadap mualaf yang telah memeluk Islam di Sabah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada pemelukan Islam. Kajian ini bertujuan untuk menentukan elemen yang mempengaruhi pemelukan Islam di Sabah. Kajian mendapati bahawa beberapa faktor utama yang mendorong pemelukan Islam termasuk aktiviti dakwah yang sistematik, peranan USIA, perkahwinan campur, dan dorongan keluarga. Kajian ini adalah penting kerana ia memberikan pemahaman yang mendalam tentang dinamika pemelukan Islam dalam konteks Sabah dan menekankan peranan individu dan organisasi dalam proses ini. Penyelidikan lanjut tentang kesan jangka panjang dakwah terhadap mualaf, tentang peranan pendidikan agama dalam pengislaman, dan tentang perbezaan antara elemen pemelukan Islam di Sabah dan kawasan lain di Malaysia. Hal ini akan membantu dalam mencipta kaedah dakwah yang lebih berkesan dan meningkatkan pemahaman tentang dinamika sosial yang mempengaruhi pemelukan Islam.

ABSTRACT

This article looks at the variables influencing Sabah's new Muslim population's decision to convert to Islam. The study uses a qualitative research technique, a literature review process, and data analysis from several primary and secondary sources, such as books, journals, and theses. In order to gain more insight into the factors influencing the conversion of new Muslims in Sabah, researchers conducted a survey with converts to better understand the reasons behind their decision to embrace Islam. The

purpose of the study is to determine the factors driving Sabah's conversion to Islam. The results show that interfaith marriage, the importance of USIA, systematic da'wah efforts, and family support are important variables influencing conversion. This study is important because it shows the roles that people and organisations play in the process of converting to Islam in the Sabah environment and offers a thorough knowledge of these dynamics. It is recommended that more research be done on the long-term impact of da'wah on recently converted Muslims, the significance of Islamic education in conversion, and the variations in conversion factors between Sabah and other Malaysian regions. This will improve our understanding of the societal processes influencing Islam conversion and help us build more successful da'wah techniques.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan memberikan pandangan yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor utama yang mendorong pemeluk Islam dalam kalangan mualaf di Sabah. Hasil kajian dapat membantu memperbaiki strategi dakwah dan penyampaian pendidikan Islam bagi memudahkan penerimaan serta integrasi mualaf ke dalam masyarakat Islam.

1. Pengenalan

Sebelum kedatangan agama, masyarakat Sabah menganut kepercayaan animisme dan paganisme (Mahali, 2018). Agama Islam mula masuk ke Sabah sekitar tahun 1300-an, lebih awal daripada agama Kristian yang tiba pada tahun 1800-an. Walaupun Islam lebih awal tiba, Kristian berkembang lebih pesat akibat sokongan penjajah yang menguasai Sabah. Sabah, yang sebelum ini dikenali sebagai Borneo Utara telah dijajah oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) dari 1881 hingga 1942 dan kemudian oleh Jepun dari 1942 hingga 1946 (Mat Zin, 2003).

Penjajahan British yang diteruskan selepas Perang Dunia Kedua dari 1946 hingga 1963, didorong oleh 3G: *God* (Tuhan), *Gold* (Emas), dan *Glory* (Kegemilangan) (Ismail, 2004). Mereka tidak hanya mengembangkan kuasa politik dan ekonomi tetapi juga menyebarkan agama Kristian melalui pelbagai organisasi Kristian seperti Roman Katolik, Anglikan, dan Persatuan Perkembangan Kitab Injil (Muhiddin, 1990). Dengan sokongan badan Kristian antarabangsa dan *Missionary Aviation Fellowship* (MAF), gerakan penyebaran Kristian berjaya mencapai kawasan pedalaman seperti Keningau dan Tenom, membina sekolah dan gereja, sementara beberapa masjid dan surau dirobohkan. Jumlah sekolah Kristian meningkat pesat, dari 27 pada tahun 1940 kepada 121 pada tahun 1963, sementara sekolah Islam hanya berjumlah 68 pada tahun 1970 (Hajimin, Ag Omar, & Hajimin, 2020).

Selepas kemerdekaan Sabah dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963, kemajuan Islam tetap perlahan kerana majoriti pemimpin negeri bukan Islam (Hajimin et al., 2016). Tun Mustapha, sebagai Yang di-Pertua Negeri pada masa itu, tidak mempunyai kawalan penuh ke atas urusan negeri, menyebabkan kekurangan institusi penting seperti zakat dan mahkamah syariah. Manakala Tun Fuad Donald Stephen yang menjawat jawatan sebagai Ketua Menteri ketika itu, lebih memfokuskan pembangunan untuk kaum Kadazandusun yang majoriti beragama Kristian. Hal ini membuatkan perluasan ruang untuk Islam menjadi lebih mendesak. Justeru apabila Tun Mustapha

menjadi Ketua Menteri ketiga Sabah pada tahun 1967, beliau memanfaatkan peluang tersebut untuk mengintegrasikan Islam dalam kabinet negeri dan memulakan era baru dalam dakwah Islam di Sabah (Faisal, 2018).

1.1. Permasalahan Kajian

Kajian fenomena pemeluk Islam dalam konteks Sabah, khususnya di kalangan masyarakat peribumi, telah menjadi semakin penting untuk memahami perkembangan agama dan sosial di negeri ini. Di Sabah, pertambahan bilangan mualaf begitu signifikan sehingga membantu menjadikan Islam sebagai agama rasmi di negeri ini. Perkara utama yang timbul ialah, apakah elemen yang mendorong mualaf ini untuk memeluk Islam? Selain itu, apakah faktor yang mempengaruhi pilihan mereka untuk memeluk Islam, termasuk interaksi dengan institusi Islam dan kerajaan, pendidikan agama, persekitaran sosial dan budaya? Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji secara menyeluruh komponen utama yang menyumbang kepada pemeluk Islam di kalangan mualaf di Sabah.

1.2. Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini ialah:

- i. Mengkaji peningkatan jumlah mualaf di Sabah.
- ii. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan bilangan mualaf.
- iii. Menganalisis faktor utama pemeluk Islam.

2. Sorotan Literatur

Kajian terdahulu sering kali membicarakan tentang peningkatan umat Islam di Sabah sepanjang sejarahnya dan isu-isu berkaitan mualaf, tanpa secara khusus mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan ini. Contohnya, kajian oleh Sintang (2005) dan Borham et al. (2021) dan lain-lain memfokuskan pada sejarah dan peranan USIA dalam meningkatkan bilangan orang Islam sejak tahun 1970. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membincangkan secara terperinci faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan mualaf. Dakwah dan kekuatan ummah bergantung pada proses memeluk Islam, yang bermula semasa zaman Nabi Muhammad (SAW) dan berterusan sehingga hari ini.

Artini dan Abdul Rahman (2022) mendapati bahawa masyarakat beragama di Sabah tetap berhubung baik antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, mereka menghadapi beberapa isu, seperti pertukaran agama akibat perkahwinan campur dan dakwah yang meluas semasa pemerintahan USNO. Namun demikian kajian ini menunjukkan bahawa kurang penyelidikan yang mendalam untuk mengkaji faktor-faktor pemeluk Islam di kalangan Mualaf di Sabah secara khusus. Oleh itu perlu ada kajian seterusnya yang mengambil perhatian terhadap topik ini.

Untuk memastikan dakwah diterima oleh masyarakat, pendekatan dakwah adalah penting. Kajian yang dilakukan oleh Jominal (2020) menunjukkan bahawa Ustadzah Lilis Mulyani di Kota Kinabalu menggunakan pendekatan beragama dalam dakwahnya dan berjaya mengajar muallaf memahami Islam. Dakwah Bil-Lisan (komunikasi langsung), Dakwah *Bil-Hikmah* (bijaksana dan tidak memaksa), *Mau'idzatul Hasanah* (nasihat positif), dan *Mujadalah Bil-lati Hiya Ahsan* adalah beberapa pendekatan dakwah yang digunakan. Metodologi ini telah menarik masyarakat peribumi untuk memeluk Islam

sehingga membolehkan para mualaf mempunyai pemahaman yang mendalam dan praktikal.

Kajian yang dilakukan oleh [Aliakbar dan Rasip \(2024\)](#), memfokuskan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mualaf pasca pengislamannya. Kajian ini juga memberikan beberapa cadangan penyelesaian kepada badan atau agensi yang berkaitan untuk menyelesaikan dan mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para mualaf pasca pengislaman mereka. [Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Pao \(2021\)](#), juga membicarakan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para mualaf pasca kembalinya mereka kepada Islam. Beliau turut membicarakan pengalaman peribadi yang beliau hadapi dalam masyarakat dan konflik dalam diri selepas menerima Islam sebagai pegangan hidup.

[Hajimin et al. \(2021\)](#) mengkaji bagaimana gerakan dakwah yang berterusan sebelum merdeka telah menyumbang kepada peningkatan bilangan orang Islam di Sabah sehingga berjaya mengubah komposisi Muslim. Keadaan ini menjadi lebih jelas semasa kempen dakwah besar-besaran yang dijalankan oleh USIA di bawah kepimpinan Tun Datu Mustapha. Gerakan dakwah ini telah berjaya meningkatkan bilangan Muslim di Sabah sehingga berjaya menjadikan umat Islam sebagai penganut majoriti dan berjayaewartakan Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah. Namun kajian ini tidak membicarakan faktor-faktor pemelukan Islam di kalangan masyarakat Sabah. Oleh itu pengkaji merasakan terdapat keperluan kajian dilakukan lebih mendalam mengkaji faktor-faktor ini.

3. Metod Kajian

Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan mengenal pasti kajian lepas yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh mualaf di Sabah. Kaedah kajian kepustakaan akan digunakan. Bahan primer dan sekunder, seperti artikel, jurnal, majalah, buku, dan tesis, akan digunakan dalam kajian. Semua bahan ini akan dinilai dan dianalisis secara terperinci untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang masalah.

4. Hasil Kajian

4.1. Peningkatan Umat Islam di Sabah

Sabah adalah sebuah negeri yang unik kerana kepelbagaian agama dan etniknya. Jumlah populasi Muslim di Sabah berbeza dengan Semenanjung Malaysia, di mana Muslim majoritinya dari kalangan bangsa Melayu, manakala mualaf biasanya terdiri daripada orang bukan bumiputera seperti Cina dan India. Sebaliknya, kebanyakan mualaf di Sabah berasal dari kumpulan peribumi yang dipanggil "peribumi Sabah" ([Sintang, 2005](#)). Etnik Kadazan Dusun mempunyai jumlah mualaf tertinggi setiap tahun, diikuti oleh Murut, Rungus, Sungai dan lain-lain ([JHEAINS, 2024](#)).

Menurut [Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Pao \(2021\)](#), dari tahun 2010 hingga 2018, seramai 89,102 orang memeluk Islam di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, Sabah mencapai jumlah tertinggi iaitu sebanyak 20,115 orang. Menurut data [JHEAINS \(2024\)](#), bilangan mualaf di Sabah meningkat secara konsisten setiap tahun iaitu lebih 1,000 orang tambahan setiap tahun. Bahkan peningkatan ini mencecah lebih 2,000 orang dalam beberapa tahun tertentu. Manakala dari tahun 2019 hingga 2023 pula, jumlah mualaf di Sabah dicatatkan sebanyak 9,582 orang. Pertambahan ini hampir

mencecah 10,000 dalam tempoh lima tahun. Peningkatan ini menunjukkan bahawa usaha dakwah dan program Islamisasi yang berterusan di Sabah berfungsi dengan baik, terutamanya di kalangan etnik peribumi yang tertarik kepada Islam kerana pelbagai faktor sosio-budaya dan agama (Aliakbar & Rasip, 2024).

4.2. Faktor Pemelukan Agama Islam di Sabah

4.2.1. Aktiviti Dakwah Yang Subur di Sabah

Sejak Sabah mencapai kemerdekaan pada tahun 1963, usaha dan momentum dakwah semakin berkembang subur dari hari ke hari. Usaha-usaha ini dijalankan secara kolektif, menekankan kerja berpasukan dan keterlibatan komuniti, berbanding pendekatan individu. Pada tahun 70an, ramai tokoh agamawan Islam bekerjasama untuk merangka strategi bagi penyebaran Islam di negeri ini. Persatuan Islam Putatan (PIP), yang diasaskan oleh Haji Ag Sahari Abd. Latif, merupakan salah satu daripada banyak gerakan dakwah yang aktif. Begitu juga, Persatuan Islam Sabah (PIS), yang dipimpin oleh Datuk Haji Latif, dan Persatuan Islam Tawau (PIT), yang diketuai oleh Zainal Kerahu, seorang tokoh Orang Kaya-Kaya (OKK), turut memainkan peranan penting dalam usaha ini (Syamruddin & Abd. Gobur, 2017).

Sabah menyaksikan peningkatan pesat dalam institusi pendidikan agama, termasuk masjid, surau, dan kelas agama yang dianjurkan oleh JHEAINS dalam memperkasa Islam di negeri ini (Sintang et al., 2019). Sekolah agama, pondok, dan madrasah juga berkembang dengan pantas, dan permintaan ibu bapa meningkat sehingga beberapa sekolah terpaksa menolak pendaftaran tambahan kerana kekurangan guru. Dakwah terus subur berkembang, dan program keagamaan semakin banyak diadakan dan masjid dan surau semakin penuh dengan jadual kuliah. Pada masa yang sama, bilangan pendakwah yang semakin ramai sama ada dari Sabah, Semenanjung Malaysia, Indonesia, Filipina, dan kawasan lain (Hajimin et al., 2021).

Walau bagaimanapun, gerakan dakwah ini tidak bertahan lama kerana mereka bergerak secara individu atau dalam kumpulan kecil. Menyedari keadaan ini, YAB Tun Datu Mustapha selaku Ketua Menteri Sabah ketika itu, telah mengumpulkan tokoh agama daripada pelbagai gerakan Islam di Sabah untuk membincangkan hala tuju dakwah negeri, dan hasilnya pada tahun 1970, USIA telah berjaya menyatukan semua gerakan ini.

4.2.2. Peranan USIA dalam Pengislaman Mualaf

Walaupun terdapat banyak faktor berlakunya penambahan bilangan mualaf di Sabah, namun demikian faktor yang paling utama ialah peranan yang dimainkan oleh *United Sabah Islamic Association* (USIA) atau Pertubuhan Islam Seluruh Sabah. Pada 16 Ogos 1969 USIA telah ditubuhkan. Tun Datu Mustapha sendiri menjadi presiden USIA yang pertama, Penubuhan USIA adalah kemuncak usaha pemimpin Islam untuk menyatukan umat Islam dan memperjuangkan kedudukan agama Islam. Tun Datu Mustafa menyatakan ia sebagai langkah besar dalam dakwah di Sabah (Hajimin, Ag Omar, & Hajimin, 2020). Pengaruh Kristian yang kuat pada ketika itu, telah memaksa USIA memastikan survival Islam, termasuk cadangan meminda Perlembagaan Sabah bagi menjadikan Islam sebagai agama rasmi. Namun, cabaran muncul kerana penduduk Islam Sabah kurang daripada 50% dan tiada majoriti dua pertiga di Dewan Undangan Negeri. Untuk mencapai matlamat itu, USIA terpaksa menumpukan kegiatan

pengislaman di kalangan orang bukan Islam atau dakwah keluar sama ada di peringkat rakyat umum, pegawai kerajaan dan juga pemimpin politik terutamanya di kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri (Hajimin et al., 2021).

USIA melaksanakan dakwah yang dikenali sebagai 'dakwah keluar', menyebarkan Islam kepada komuniti bukan Islam, terutamanya Kadazandusun, komuniti pribumi terbesar di Sabah yang kebanyakannya tidak mempunyai agama. Selain Kadazandusun, etnik Murut, Rungus, dan beberapa kumpulan peribumi lain juga terlibat. Program ini dilaksanakan secara sistematik dengan sokongan kuat daripada pemimpin Sabah. Sambutan terhadap kegiatan pengislaman positif, dimulai dengan majlis pertama di kediaman Tun Mustapha di Tanjung Aru. Majlis kedua dan ketiga melibatkan 11 jutawan Cina dan beberapa tokoh masyarakat, termasuk Tan Soe Tei dan Tan Teck Bak. Melihat potensi lebih ramai yang tertarik kepada Islam, USIA memperluas gerakan pengislaman kepada pemimpin, pegawai kerajaan, dan masyarakat umum. Pendakwah tempatan dilantik untuk melaksanakan tugas ini di setiap daerah, bertanggungjawab memberi penerangan mengenai ajaran Islam (Sintang, 2005).

Seterusnya USIA mengambil tindakan untuk memulakan gerakan pengislaman secara besar-besaran kepada orang bukan Islam di seluruh Sabah. Sasarannya bukan sahaja terhad kepada orang ramai, tetapi juga kepada pemimpin dan pegawai kerajaan, seperti wakil rakyat, menteri-menteri, dan sebagainya (Bainol, 2018). Dalam gerakan yang dijalankan secara berkelompok, pendakwah yang bertanggungjawab memberi penerangan tentang agama Islam kepada kumpulan sasar secara individu. Tenaga pendakwah terutamanya terdiri daripada penduduk tempatan, yang dibahagikan kepada dua golongan. Golongan pertama terdiri daripada ahli gerakan yang digaji oleh USIA, termasuk mubaligh dan pegawai penerangan USIA, serta individu yang dilantik untuk menyertai gerakan. Pegawai itu bertanggungjawab untuk mengajar orang bukan Islam tentang Islam dengan matlamat untuk menarik mereka untuk menjadi Muslim. Golongan kedua terdiri daripada individu yang secara sukarela melaksanakan tanggungjawab yang sama seperti yang dilakukan oleh golongan pertama (Muhiddin, 1990).

Usaha dakwah USIA bukan hanya fokus kepada kalangan rakyat kebanyakan, malah telah menarik tokoh-tokoh masyarakat bukan Islam untuk menganut Islam. Hasilnya, beberapa ahli politik dan pemimpin etnik, termasuk Tun Fuad Donald Stephen mantan Ketua Menteri pertama Sabah, Dato Ghani Gilong, Andrew Matakim (Idrus Matakim), Suffian Koroh, Fazil Wong, Johari Majakil, Abdul Latif Hawkins, dan Mohd Noor Nicholas. Tokoh-tokoh ini menarik pengikut mereka untuk menganut Islam secara tidak langsung, seperti Tun Fuad, yang dikenali sebagai Huguan Siou (Pemimpin Agung) bagi orang Kadazandusun (Hajimin, Ag Omar, & Hajimin, 2020).

Menurut Sintang (2005), zaman Tun Mustapha dianggap sebagai zaman perkembangan dakwah yang paling gemilang dalam sejarah Sabah. Dianggarkan 75,000 orang telah memeluk Islam dari 1969 hingga 1976. Jumlah mualaf ini, termasuk anak-anak mereka, berjumlah kira-kira 100,000, menjadikan gerakan ini penting dalam menambah bilangan orang Islam di Sabah. Gerakan dakwah ini menarik perhatian tokoh politik bukan Islam selain daripada rakyat biasa. Mantan Ketua Menteri Sabah pertama, Tun Fuad Donald Stephen, adalah contoh yang paling terkenal. Setelah memeluk Islam, beliau mengambil nama Islam, Tun Fuad mengambil nama Mohammad Fuad Abdullah (Hajimin & Ibrahim, 2019). Ini menunjukkan bahawa gerakan dakwah Tun Mustapha telah sampai ke peringkat tertinggi dalam masyarakat. Ramai pengikut Tun Fuad,

mengikuti jejak beliau memeluk Islam, termasuk orang dalam kalangan masyarakat umum dan elit politik. Hal ini mengukuhkan lagi kedudukan Islam sebagai agama utama di Sabah.

Menurut [Hajimin, Ag Omar dan Hajimin \(2020\)](#), usaha Tun Datu Mustafa membawa hasil yang sangat signifikan kepada Sabah di mana berlaku peningkatan populasi Islam dari 38.7% pada tahun 1967 kepada 53% pada 1976. Dengan usaha beliau, bukan sahaja majoriti rakyat Sabah beragama Islam, tetapi juga berlaku peningkatan ahli politik beragama Islam. Hasil yang lebih memberangsangkan ialah pada 23 September 1973, Islam diiktiraf sebagai agama rasmi negeri. Perkara 5(A), yang menyatakan bahawa "Islam adalah agama rasmi negeri Sabah, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni," ([The Constitution of The State of Sabah](#)). Perundangan ini dapat dipinda apabila komposisi 2/3 ahli Dewan Undangan Negeri Muslim ([Bainol, 2018](#)). Sehingga sekarang Islam kekal sebagai agama rasmi di Sabah dengan bilangan umat Islam terus meningkat dari masa ke semasa.

4.2.3. Perkahwinan Campur

Budaya kahwin campur telah menjadi kebiasaan bagi sebahagian besar masyarakat di Sabah. Negeri ini mempunyai rekod perkahwinan campur tertinggi di Malaysia, malah mungkin di dunia ([Sintang, 2003](#)). Di Sabah, perkahwinan campur menunjukkan kesediaan masyarakat terhadap kepelbagaian budaya dan agama. Ia juga salah satu faktor utama membantu menambah bilangan orang Islam. Hal ini berlaku apabila perkahwinan melibatkan kumpulan etnik yang pada mulanya tidak beragama Islam. Sebagai contoh, Kadazan Dusun memeluk Islam melalui perkahwinan, mewujudkan jalur keturunan baharu yang beragama Islam.

Fenomena ini mempunyai kesan yang ketara terhadap peningkatan bilangan mualaf di Sabah. Sebanyak 20,074 orang dari pelbagai etnik di Sabah memeluk Islam antara tahun 1994 dan 2004 ([Sintang et al., 2019](#)). Sehubungan itu, kajian yang dijalankan oleh [Jominal \(2020\)](#) mendapati bahawa perkahwinan adalah faktor utama yang mendorong seseorang untuk memeluk Islam. Ini adalah sejajar dengan ajaran Islam yang menggalakkan dakwah melalui perkahwinan, yang telah terbukti berkesan dalam menyebarkan Islam di kalangan masyarakat yang tidak beragama Islam. Secara sejarah, sebelum kedatangan British ke Sabah, pendakwah dan pedagang Arab telah mengahwini keluarga pemerintah, yang membantu politik tempatan dan penyebaran ajaran Islam kepada masyarakat ([Borham et al., 2021](#)).

Maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) mengesahkan fakta-fakta ini. Menurut laporan JHEAINS, lebih daripada 80% daripada jumlah keseluruhan mualaf di Sabah adalah hasil daripada individu yang ingin berkahwin dengan pasangan beragama Islam ([Pg Musa, 2010](#)). Fakta ini menunjukkan bahawa perkahwinan mempunyai pengaruh yang signifikan dalam penyebaran Islam dan dianggap sebagai salah satu mekanisme dakwah yang paling berkesan, khususnya di Sabah.

4.2.4. Akhlak dan Keperibadian Pendakwah

Penampilan diri mencerminkan peribadi seorang pendakwah yang berintegriti. Seorang pendakwah bukan sahaja perlu kelihatan baik, tetapi dia juga semestinya mempunyai wibawa dan kesantunan dalam tutur kata dan gerak-gerinya. Hal ini merupakan faktor

yang mampu menarik hati orang ramai kepada dakwah yang dibawa. Oleh itu, selain daripada pengetahuan dan tahap akademik, akhlak yang mulia memainkan peranan penting dalam membangkitkan minat terhadap mesej dakwah yang disampaikan (Sidi, 2010).

Selain itu, keprihatinan pendakwah terhadap keadaan sasaran dakwah merupakan antara faktor kejayaan dalam dakwah. Keprihatinan bermaksud menunjukkan kesungguhan dalam mengambil berat tentang golongan sasaran, terutama dari sudut keperluan hidup mereka. Keprihatinan ini termasuk membela yang tertindas, membina persaudaraan, memperjuangkan keadilan dan memberikan bantuan yang diperlukan. Al-Quran menyarankan agar umat Islam menjaga kebajikan golongan yang lemah seperti anak yatim dan orang miskin. Nabi Muhammad SAW merupakan contoh terbaik dalam menunjukkan keprihatinan ini, baik dalam situasi sukar mahupun tenang. Baginda juga mengutamakan kepentingan umum seperti menyediakan air bersih kepada masyarakat Madinah (Abd Aziz, 2012).

Sifat prihatin ini menarik perhatian sasaran dakwah di Sabah, khususnya melalui pendekatan 'turun padang'. Pendakwah yang terlibat langsung dalam kehidupan masyarakat, seperti ziarah dan memberi bantuan, sangat dihargai oleh penduduk setempat. Pendekatan ini membantu merapatkan hubungan antara pendakwah dan golongan sasaran (Nilam, 2012). Penduduk Sabah, terutamanya di kawasan luar bandar, sering tertarik kepada Islam kerana keperibadian mulia yang ditunjukkan oleh pendakwah. Sebagai contoh, Mohd Fadli Yusof, seorang pendakwah aktif di Kampung Pensiangan, berjaya menarik perhatian penduduk kampung melalui dakwah bil hal (dakwah melalui tindakan). Beliau bukan sahaja memberi ceramah agama tetapi juga membantu penduduk dengan membina masjid, merawat orang sakit, dan menghadiri majlis kenduri. Keprihatinan dan akhlak yang baik menjadikan beliau dihormati oleh penduduk kampung. Hasilnya ialah ramai yang memeluk Islam atas usaha dan keperibadian beliau (Borham & Abdul Kadir, 2015).

Pendekatan ini membuktikan bahawa keperibadian pendakwah dan keprihatinan terhadap kehidupan masyarakat adalah faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan dakwah di Sabah. Perkara ini selaras dengan tujuan Rasulullah SAW diutuskan ke muka bumi ini sebagaimana sabda Baginda;

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Terjemahannya;

Sesungguhnya aku diutuskan hanyalah untuk menyempurnakan kesolehan akhlak.

Riwayat al-Bayhaqi

4.2.5. Peluang Belajar Islam di Sekolah

Salah satu faktor utama pemelukan Islam seseorang ialah pengalamannya dalam mempelajari mata pelajaran Pengetahuan Islam semasa di peringkat sekolah rendah mahupun menengah. Sebahagian mereka menghadiri kelas-kelas ini kerana mereka berminat dengan pengetahuan agama atau kerana ia adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah. Pengalaman ini sering menentukan pemahaman mereka tentang Islam dan menimbulkan minat yang mendalam terhadap agama ini. Ketika melakukan kajian lapangan di Kudat, pengkaji mendapati faktor ini telah menyebabkan ramai di kalangan mereka yang belajar Pengetahuan Islam di sekolah akhirnya memeluk Islam. Hal ini juga sama dengan hasil dapatan kajian Awang dan Khambali @ Hambali (2015).

Guru yang mengajar mata pelajaran Pengetahuan Islam juga memainkan peranan besar dalam membentuk pandangan tentang agama Islam kepada pelajar bukan Islam. Guru yang berakhlak mulia dalam mengajar Islam sering mempunyai kesan positif terhadap pelajar mereka. Interaksi langsung dengan pendidik yang menunjukkan nilai-nilai Islam yang baik menjadikan ajaran lebih mudah diterima. Bagi mualaf, pengalaman ini bukan sekadar pembelajaran akademik tetapi sebuah perjalanan rohani yang secara beransur-ansur membawa mereka lebih dekat kepada Islam (Mariam & Ab Aziz, 2020).

Secara keseluruhannya, bagi ramai mualaf mengakui bahawa pengalaman belajar tentang Islam di sekolah telah menjadi komponen penting dalam proses memeluk Islam mereka. Mereka menemukan jalan menuju hidayah melalui pendedahan kepada nilai-nilai Islam yang holistik dan berinteraksi dengan guru yang berakhlak mulia. Akhirnya, mereka membuat keputusan untuk memeluk Islam (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Pao, 2021).

4.2.6. Kolaborasi Strategik Agensi Kerajaan dan Organisasi Dakwah

Selain agensi kerajaan yang menguruskan hal ehwal Islam dan dakwah di Sabah, seperti JHEAINS, MUIS, JAKIM dan USIA, terdapat beberapa organisasi dakwah yang terlibat dalam penyebaran dakwah di negeri itu. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan KDMRS Muslim, Hidayah Center Foundation (HCF), MACMA, PIMRUS dan organisasi lain termasuk dalam kategori ini. Penglibatan institusi dakwah dalam gerakan dan menyebarkan Islam memberi kesan yang besar terutamanya terhadap peningkatan statistik mualaf di Sabah. Telah banyak program yang dilaksanakan bagi memantapkan usaha dakwah di Sabah (Sharifah Sari et al., 2022).

Sabah mempunyai badan dakwah dan agensi kerajaan yang bekerjasama dengan baik, dan menghasilkan pencapaian yang sangat baik. Seseorang yang memeluk Islam perlu mendaftar secara rasmi di agensi kerajaan yang ditetapkan. Menurut Siti Adibah dan Siti Zubaidah (2018), JHEAINS di Sabah bertanggungjawab untuk melaporkan pengislaman dalam sistem. JHEAINS telah menubuhkan "unit pengislaman" untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan dengan mualaf, dari pendaftaran hingga bimbingan kelas.

Mohd Aswan dan Abdul Ghafar (2021) menegaskan kepentingan kerjasama semua pihak dalam dakwah untuk mendapat kejayaan yang lebih cemerlang. Walaupun agensi kerajaan seperti MUIS, JHEAINS, dan JAKIM bertanggungjawab untuk hal ehwal mualaf di Sabah, namun agensi-agensi ini tetap bekerjasama dengan badan dakwah lain. Walau bagaimanapun, NGO juga terlibat dan memainkan peranan penting. Dana zakat dari MUIS, sering disalurkan kepada NGO kerana kekurangan tenaga pengajar di agensi kerajaan. Kerjasama antara agensi kerajaan dan NGO membantu mengatasi kekurangan tenaga pengajar dan melaksanakan kelas bimbingan secara lebih meluas di Sabah, baik di bandar mahupun luar bandar (Aliakbar & Rasip, 2024). Untuk memastikan keberkesanan program, JHEAINS telah melaksanakan kursus akidah, pengurusan jenazah, kelas fardhu ain, dan membaca al-Quran yang diawasi oleh pegawai terlatih. Setiap hujung minggu, kelas fardhu ain dan membaca al-Quran diadakan dari pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari. Kelas ini berfungsi sebagai platform yang konsisten untuk meningkatkan pengetahuan mualaf (Sharifah Sari et al., 2022).

Kerjasama antara JHEAINS, MUIS, JAKIM, dan pelbagai organisasi bukan kerajaan membolehkan penyelarasan kurikulum dan penyebaran maklumat penting, di kawasan

pedalaman yang mungkin sukar diakses. Kerjasama ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan maklumat dan menjalankan aktiviti pendidikan. Selain itu, usaha bersama ini membantu JHEAINS menangani kekurangan pengajar dan memastikan kelas bimbingan muafaf dilaksanakan dengan lebih meluas, merangkumi bukan sahaja kawasan bandar tetapi juga kawasan luar bandar yang memerlukan perhatian khusus (Nor Arfah & Abd Hakim, 2022).

4.2.7. Pergaulan dengan rakan dan komuniti Muslim

Salah satu faktor penting yang menjadi pendorong pemeluk agama Islam ialah pergaulan dengan rakan dan komuniti Muslim. Ini berlaku khususnya di Sabah. Pengalaman bergaul di sekolah atau di kampung memberikan muafaf peluang kepada muafaf untuk lebih memahami ajaran Islam dan cara hidup. Awang dan Khambali @ Hambali (2015) mendapati bahawa muafaf mempunyai banyak peluang untuk melihat realiti kehidupan harian dalam komuniti Muslim apabila mereka berinteraksi dengan komuniti Muslim di perkampungan dan bergaul dengan rakan Muslim.

Di Sabah, pergaulan seperti ini sangat penting kerana masyarakatnya yang pelbagai etnik dan agama memberikan pengalaman yang sangat berbeza. Banyak penempatan dan perkampungan di Sabah menampilkan gaya hidup Islam yang di saksikan sendiri oleh muafaf. Mariam dan Ab Aziz (2020) mendapati bahawa interaksi dengan rakan-rakan dan guru di sekolah adalah faktor penting dalam mendorong muafaf untuk memeluk Islam. Ini juga terbukti berkesan di Sabah. Sekolah-sekolah yang mempunyai majoriti pelajar Muslim dan guru yang mempraktikkan akhlak Islam yang mulia sering memikat hati muafaf dan memotivasikan mereka untuk belajar lebih banyak tentang Islam.

Para muafaf berpeluang menyaksikan sendiri nilai-nilai murni seperti gotong-royong, kerjasama, dan semangat kekeluargaan yang tinggi yang terdapat dalam komuniti Muslim. Aktiviti seperti kenduri, majlis berbuka puasa, dan sambutan hari raya bukan sahaja mempamerkan keindahan hidup beragama, tetapi juga menonjolkan sifat kemanusiaan yang tulen. Nilai-nilai saling membantu dan harmoni dalam kehidupan bersama, memberi kesan yang mendalam kepada muafaf (Borham & Abdul Kadir, 2015). Pengkaji mendapati, ada di kalangan mereka yang turut sama menghadiri beberapa program masyarakat Islam seperti majlis berbuka puasa, sambutan hari raya, majlis maulidul rasul dan majlis korban. Secara keseluruhannya, pergaulan aktif dan positif dengan komuniti Muslim, serta keterlibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti umat Islam, sama ada di sekolah, perkampungan mahupun di tempat kerja, terbukti menjadi faktor utama dalam meningkatkan bilangan muafaf di Sabah. Ini juga menunjukkan betapa pentingnya peranan komuniti dalam proses dakwah di kawasan berbilang etnik seperti Sabah.

4.2.8. Pembacaan dan Pengkajian

Pembacaan dan pengkajian memainkan peranan penting dalam proses pemeluk Islam. Kesempatan untuk mengikuti pelajaran agama Islam telah membuka peluang kepada pelajar bukan Muslim peluang untuk memahami konsep asas dalam agama ini. Pengalaman berinteraksi dalam kelas pengajian agama, seperti bertanya kepada ustaz telah menimbulkan rasa ingin tahu yang mendalam di kalangan muafaf mengenai aspek-aspek agama Islam. Memahami konsep agama, tingkah laku dalam komuniti Muslim, dan amalan biasa seorang Muslim adalah antara pelbagai aspek merupakan antara perkara

yang menjadi bahan kajian. [Awang dan Khambali @ Hambali \(2015\)](#) mendapati bahawa keinginan untuk mempelajari lebih lanjut tentang agama ini merupakan pendorong ramai mualaf untuk memeluk Islam.

[Pg Musa \(2010\)](#) menyatakan bahawa kefahaman dan kebenaran ajaran Islam adalah faktor utama yang mendorong golongan mualaf untuk memeluk Islam. Hal ini demikian kerana melalui agama ini, mereka mendapat makna yang lebih besar untuk hidup mereka. Menurut [Herman \(1998\)](#), pendedahan Islam kepada media dan pembacaan adalah faktor penting dalam keputusan mualaf untuk memeluk Islam. Selain itu, faktor psikososial seperti contoh dan cara hidup orang Muslim, serta usaha pertubuhan dan organisasi dakwah untuk menerangkan Islam juga mempunyai kesan yang besar terhadap kecenderungan mualaf untuk memilih agama ini.

Selain itu, menurut kajian [Majid et al. \(2017\)](#), pendorong utama responden untuk memeluk Islam ialah membaca dan mempelajari tentang Islam. Dapatan ini selari dengan fakta yang ditemui oleh [Mohd Nasir \(2006\)](#), menunjukkan bahawa pembacaan, penyelidikan, dan pergaulan dengan masyarakat Muslim adalah komponen penting dalam proses memeluk Islam. Faktor-faktor ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman tentang ajaran Islam, tetapi mereka juga menanamkan sikap positif dan membuka hati mualaf untuk menjadi penganut agama ini.

4.2.9. Faktor Dorongan Keluarga

Salah satu faktor utama penukaran agama adalah dorongan yang kuat dari keluarga yang telah memeluk Islam. Biasanya, apabila ibu bapa memeluk Islam, anak-anak yang berada di bawah jagaan mereka juga cenderung mengikuti langkah tersebut. Pengaruh keluarga, terutama dalam konteks ibu bapa yang menjadi contoh teladan memberi kesan yang mendalam terhadap keputusan agama anak-anak mereka. Ini menggambarkan bagaimana perubahan agama dalam satu generasi dapat mempengaruhi generasi berikutnya. Keluarga yang telah memeluk Islam sering kali menjadi pendorong utama bagi ahli keluarga yang lain untuk turut menganut agama yang sama ([Awang & Khambali @ Hambali 2015](#)).

Selain itu, fenomena ini turut berlaku apabila anak-anak yang telah dewasa mendorong ibu bapa dan adik-beradik mereka untuk memeluk Islam. Menurut [Mudasir dan Marzuki \(2005\)](#), fenomena ini dikenali sebagai faktor ikut-ikutan, di mana individu yang berpengaruh dalam kalangan keluarga atau komuniti memeluk Islam, menyebabkan beberapa anggota keluarga lain turut mengikuti keputusan tersebut. Ini menonjolkan betapa pentingnya peranan keluarga dalam proses penukaran agama dan menunjukkan bagaimana pengaruh yang kuat dalam kalangan ahli keluarga dapat mendorong perubahan agama secara menyeluruh.

5. Kesimpulan

Artikel ini mengkaji pelbagai aspek sosial, pendidikan, dan peribadi yang menyumbang kepada pemeluk agama Islam di kalangan mualaf di Sabah. Pertama, usaha dakwah yang aktif memainkan peranan penting dalam menyebarkan ajaran Islam kepada orang bukan Muslim. Di samping itu, kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan organisasi dakwah membolehkan usaha dakwah menjadi lebih teratur dan berkesan. Sejak penubuhannya, USIA telah memainkan peranan penting dalam memeluk Islam di Sabah melalui aktiviti dakwah yang meluas. USIA telah menyasarkan komuniti bukan

Islam dengan sokongan pemimpin tempatan dan gerakan dakwah yang sistematik. Ia juga berjaya menarik perhatian tokoh politik dan pemimpin untuk memperkuat kedudukan Islam di Sabah. Hasilnya, bilangan orang Islam meningkat sehingga negeri Sabah menjadikan Islam sebagai agama rasmi pada tahun 1973.

Perkahwinan campur sering membawa kepada pemeluk Islam, di mana orang yang berkahwin dengan pasangan Muslim lebih terdedah kepada ajaran Islam. Tambahan pula, tarikan peribadi pendakwah membantu orang ramai berminat untuk memeluk Islam, terutamanya apabila pendakwah mengambil berat tentang masalah mereka dan menunjukkan sikap dan akhlak yang positif. Sebahagian pelajar bukan Muslim mendapat pendedahan awal kepada ajaran Islam melalui peluang belajar Islam di sekolah. Di samping itu, berhubung dengan rakan dan komuniti Muslim membolehkan mereka mengalami nilai-nilai Islam secara langsung dalam kehidupan seharian mereka.

Seterusnya pembacaan dan pengkajian tentang Islam akan meluaskan lagi pemahaman seseorang tentang Islam dan melihat kebaikannya. Pengetahuan dan pemahaman yang diperoleh daripada kajian mereka menyumbang kepada pemeluk agama Islam. Akhir sekali, dorongan keluarga sering menjadi penggerak utama di mana perubahan dalam satu generasi boleh mempengaruhi ahli keluarga dan generasi berikutnya untuk memeluk Islam.

Untuk kajian akan datang disarankan agar mengkaji dengan teliti pendekatan gerak kerja dakwah dan fungsi kolaborasi strategik untuk meningkatkan kadar pemeluk Islam. Kajian ini merangkumi penilaian terhadap program dakwah yang sedia ada dan cadangan untuk penambahbaikan. Selain itu, kajian berkaitan kesan pemeluk Islam terhadap kehidupan muafak pada masa hadapan yang berkaitan faktor sosial, psikologi, dan hubungan keluarga. Akhir sekali, kajian boleh dilakukan berkaitan perbezaan penerimaan dan faktor pemeluk Islam di kawasan luar bandar Sabah dan di kawasan bandar, seterusnya memperincikan kaedah dan pendekatan dakwah yang sesuai untuk memenuhi keperluan setiap kawasan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Tidak berkenaan

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Tidak berkenaan

Kewangan (*Funding*)

Terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah yang telah memberikan Geran Penyelidikan Dana Kluster DKP0052 untuk membiayai kajian ini.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abd Aziz, M. Z. (2012). *Strategi dakwah dalam sirah Nabi SAW*. Universiti Malaya.
- Aliakbar, M.Z.A. & Rasip, M.Z. (2024). Cabaran muallaf di Malaysia dan cadangan penyelesaian, *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 121-132.
- Artini, N.A. & Abdul Rahman., N.F. (2022). Kajian sensitiviti agama: Tinjauan awal di Sabah, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 182-200.
- Awang, A. & Khambali @ Hambali, K. (2015). Faktor pemelukan Agama Islam: Kajian terhadap komuniti saudara Muslim Cina di negeri Terengganu. *MANU*, 22, 21-45.
- Borham, A.H., Abdullah, W.H. & Abdul Rahim. M.M. (2021). Metod dakwah dalam pengislaman di Sabah sebelum era penguasaan British Crown Colony. *Jurnal Usuluddin*, 49(1), 1-26.
- Borham, A.H., & Abdul Kadir, F.A. (2015). Faktor tarikan dakwah Mohd Fadli Yusuf dalam Pengislaman masyarakat non-Muslim di pendalaman Pensiangan, Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 42, 77-100.
- Bainol, L. (2018). Strategi kristianisasi di Daerah Kota Marudu, 1985-1994. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 3(2), 185-199.
- Faisal, S.H. (2018). Domination, contestation, and accommodation: 54 years of Sabah and Sarawak in Malaysia. *Southeast Asian Studies*, 7(3), 341–361.
- Hajimin, M.N.H.H., Ag Omar, P.M.F. & Hajimin, N.A. (2020). Tun Mustapha dan pengukuhan Islam di Sabah: 1963 – 1973. *Akademika*, 90(1), 181-191.
- Hajimin, M.N.H.H. et. al. (2021). Gerakan dakwah dan impaknya terhadap peningkatan komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 125 - 139.
- Hajimin, M.N.H.H. & Ibrahim, I.A. (2019). Tun Mustafa dan peranannya terhadap penetapan Islam sebagai agama rasmi Negeri Sabah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun & Warisan Islam (TAWIS) 2019*.
- Hajimin, M.N.H.H., Ibrahim, I. & Kassim, A. (2016). Migrasi Dakwah dan Impaknya Terhadap Perkembangan Islam di Sabah dari Sudut Demografi dan Politik. *Proceedings of the 10th International Malaysian Studies Conference*, 1001-1016.
- Herman, I. (1998). *Nilai, Persepsi jangkaan saudara baru Cina terhadap masyarakat dan Agama Islam, dakwah kepada non-Muslim di Malaysia: Konsep, metode dan pengalaman*. UKM.
- Ismail, Y. (2004). *Politik dan agama di Sabah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- JHEAINS (2024). *Data Muallaf 2010 hingga 2023. Unit Pengislaman, Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah*.
- Jominal, N.A.M. (2020). Pola dakwah Lilis Mulyani terhadap muallaf di Sabah Malaysia. *ANIDA (Aktualisasi Nuansa Ilmu Dakwah), Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung*, 20(2), 146-164.
- Mahali. S.N. (2018). Nalai: Ritual penyembuhan dalam kalangan Orang Bajau di Kota Belud, Sabah. *Akademika*, 88(3), 101-112.
- Majid, M. A., Abdullah, M. Y. M., & Ismail, S. (2017). Faktor dorongan muallaf memeluk Islam: Kajian di Negeri Selangor. Dalam *Multidisplin Ilmu Penyelidikan*. Hamid, N. F. A. (eds.). 234-247. UNISSA Press.
- Mariam, A. M. & Ab Aziz M. Z. (2020). Muallaf dan dorongan pengislaman. *Jurnal KIAS*, 10(1), 92 - 113.
- Mat Zin, M. K. (2003). *Kristian di Sabah 1881-1994*. Penerbit UKM.
- Mohd Aswan Mohd Amin & Abdul Ghafar Don. (2021). Peranan organisasi Islam dalam gerakan dakwah muallaf di Sabah. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 42-52.
- Mohd Nasir, R.A. (2006). *Faktor-faktor Penerimaan Muallaf Terhadap Agama Islam: Satu*

- Kajian Di PERKIM Jalan Ipoh*, (Latihan Ilmiah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor).
- Mudasir, R. & Marzuki, M. (2005). Kefahaman Islam di kalangan saudara baru (Cina) di Batu Pahat, Johor. Dalam. *Seminar Antarabangsa Budaya dan Pemikiran Antara China dan Malaysia*, Wan Abd. Hamid, W.T. (eds.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhiddin, Y. (1990). *Islam di Sabah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nilam, S. (2012), *Gerakan dakwah di Kota Kinabalu : kajian terhadap Pertubuhan Islam seluruh Sabah (USIA)*. (Tesis Master, Universiti Malaya).
- Nor Arfah, M.M. & Abd Hakim, M. (2022). Cabaran muallaf dalam membina kehidupan baharu: Satu kajian kes di Mukah, Sarawak, Malaysia. *Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (i-STET 2022)*, 330-344.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Pao. (2021). Cabaran pasca kembali kepada Islam dalam kalangan muallaf di Malaysia. *Prosiding Sistem Pendidikan Islam Muallaf di Malaysia, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)*, 195 - 213.
- Pg Musa, P.I. (2010). Prosedur pemeluk Islam bagi tujuan perkahwinan di Negeri Sabah: Kajian kes Umi Kalthum Hwa Abdullah @ Hwa Fui Sun dengan Ketua Pendaftar Muallaf Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, *Prosiding Seminar Kebangsaan Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa, USM: Bhg. Pengajian Islam*.
- Sidi, N. (2010). *Pendekatan dakwah Ismail Lutfi Japakiya: Kajian tentang faktor tarikannya di Selatan Thailand*. (Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya).
- Sintang, S. (2003). Penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazan Dusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 18, 59-80.
- Sintang, S. (2005). Sejarah perkembangan muallaf di Sabah: Peranan dan sumbangan United Sabah Islamic Association (USIA). *Jurnal Al-Tamaddun*, 1, 51-90.
- Sintang, S., Mohd Tamring, B.A., Lukin, S.A. & Mohd Yakin, H.S. (2019). Fenomena agama di pedalaman Sabah, *Journal of History Department, University of Malaya*, 28(2), 187-199.
- Siti Adibah, A.B. & Siti Zubaidah, I. (2018). Pengurusan muallaf di Malaysia: Kerjasama dinamik antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 46(2), 97-122.
- Sharifah Sari D. A, Musauyadah A., Siti Saidtulakmal A., & Masnih M. (2022). Permeksaan insititusi dakwah di Sabah, *Proceeding Borneo Islamic International Conference*, 3, 101-107.
- Syamruddin, N. & Abd. Ghofur. (2017). Perkembangan Islam di Sabah Malaysia (Perspektif Sosio-Historis). *TOLERANSI: Media Ilmiah Komunikasi Umat Beragama*, 9(2), 152-183.
- The Constutitution of The State of Sabah,
<https://sagc.sabah.gov.my/sites/default/files/law/The%20Constitution%20of%20the%20State%20of%20Sabah.pdf>